

28 APR 2003

Rafidah-Economist

WANITA UMNO MAHU KDN AMBIL TINDAKAN TERHADAP THE ECONOMIST

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno hari ini meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil tindakan terhadap 'The Economist' yang menyiarkan artikel mengutuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya Datuk Seri Rafidah Aziz berkata penyiaran artikel berkenaan jelas menunjukkan adanya unsur luar yang berusaha untuk campur tangan dengan urusan dalam negara.

"Kita harap supaya pihak yang berwibawa akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap media semacam ini," katanya kepada pemberita selepas pertemuan ketua-Ketua Wanita parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di sini.

Rafidah yang juga Ketua Wanita BN berkata, walaupun media bebas membuat kritikan, seharusnya kritikan yang dibuat adalah tepat dan tidak melulu seperti yang dilakukan oleh penulis artikel berkenaan.

Ditanya mengenai tindakan yang patut diambil, Rafidah berkata ia terpulang kepada KDN kerana sebelum ini Kementerian itu telahpun mengambil tindakan terhadap beberapa media lain dengan cara mengawal jumlah kemasukannya dalam pasaran negara ini.

"Kita tidak mahu negara kita ini buat dalam masa-masa kritikal, ekonomi begini diharu-birukan dengan tulisan-tulisan macam ini, tak perlu. Kita mahu mengalakan perhatian rakyat kepada menyokong kerajaan mengatasi pelbagai masalah yang ada, masalah SARS, masalah ekonomi yang turut mendapat kesan," katanya.

Ditanya sama ada wajar atau tidak kerajaan menyaman jurnal itu, Rafidah berkata: "Kali ini yang banyak dituju kepada peribadi Datuk Seri (Dr Mahathir Mohamad) dan saya rasa Datuk Seri adalah seorang berwibawa yang mungkin tidak akan terdorong untuk menyaman orang kerana kritik yang tidak begitu adil, dan secara melulu dan memang tidak tepatpun...tapi kita sebagai rakyat Malaysia patut berasa kesal dengan perkara ini."

Rafidah juga berkata adalah tidak adil untuk membandingkan kemampuan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Dr Mahathir kerana Dr Mahathir telah berkhidmat sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Kita patut memberi masa kepada Datuk Seri Abdullah seperti mana kita memberi masa kepada Datuk Seri Dr Mahathir dulu," katanya.

-- BERNAMA

NM AHH PR